



جامعة
Teknologi
MARA
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

Panduan Pengurusan Operasi
Untuk Pengendalian Penyelidikan Bagi
Warga Penyelidik Universiti Teknologi Mara
Sepanjang Tempoh
Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)

Tujuan


Panduan ini disediakan untuk memastikan aktiviti penyelidikan berjalan lancar di UiTM dan mencapai KPI seperti yang ditetapkan serta dapat membendung penularan wabak COVID-19.

Siapa yang boleh hadir?

Penyelidik yang menjalankan aktiviti penyelidikan dalam makmal yang melibatkan kemudahan makmal dan peralatan khas secara bersemuka adalah dibenarkan

Kategori penyelidik yang dibenarkan :

- Pensyarah Akademik
- Pegawai Penyelidik
- Penyelidik Pasca Doktoral (Post-Doc)
- Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Pembantu Penyelidik (RA)



01

Merekod Kehadiran

Penyelidik boleh **mengetik masuk menggunakan rekod kedatangan** di PTJ masing-masing atau menggunakan **Sistem eCLOCK** dengan memilih (**Work From Office - WFO**) jika hadir secara fizikal di ruang kerja/makmal penyelidikan.

Nota: Penyelidik Luar/Pelawat yang berurusan dengan Penyelidik UiTM perlu mendaftar diri dan melakukan pemeriksaan suhu badan di Pintu Satu (Pos Kawalan Keamanan) UiTM.

Sign In

Pilih kategori Anda ..

No Staf

LOG MASUK

TETAP/KONTRAK->SILA GUNAKA STAF PORTAL UNTUK LOG MASUK

LUPA/RESET KATA SAJAHAT

YANG BELUM MEMERLUKAN DAHULU PADA

02

Membuat Deklarasi Kesihatan


Membuat deklarasi kesihatan melalui **Sistem SaringC19** di <https://saringc19.uitm.edu.my/> dan merekod bacaan suhu badan serta mengimbas QR Code Check-in setiap hari di ruang kerja/makmal penyelidikan PTJ masing-masing. **Hanya kategori D/E sahaja dibenarkan bertugas.**

Penyelidik/Pelawat tidak dibenarkan untuk hadir ke tempat kerja/makmal penyelidikan jika terdapat gejala jangkitan dan kurang sihat.

Penyelidik perlu memaklumkan kepada Ketua PTJ jika terdapat seseorang yang bergejala COVID-19 di makmal.

Penyelidik perlu mengambil butiran seperti bilangan pelawat, nama, tarikh, masa (masuk dan keluar), tempat dan lain-lain butiran yang berkenaan.

Rekod hendaklah disimpan untuk memudahkan penjejakan kontak sekiranya diperlukan.



02

Membuat Deklarasi Kesihatan

Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM

Anda telah melengkapkan deklarasi COVID-19 pada hari ini

26 Jun 2020 Jumaat

Anda adalah kategori **D/F**

03

Merancang Jadual Kehadiran Dan Tugasan Penyelidikan



Penyelidik/Penyelia perlu merancang jadual kerja dan memastikan tugas yang diberikan adalah keperluan kritikal, 'essential' dan penting sebelum melaksanakan tugas di makmal. Penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) perlu dilaksanakan di dalam ruang kerja/makmal penyelidikan. Waktu kehadiran perlu mengikut jadual yang ditetapkan dan mematuhi had kapasiti ruang makmal oleh PTJ masing-masing.

Penyelidik yang bekerjasama dengan penyelidik luar perlu mendapat kelulusan Ketua PTJ masing-masing sebelum memulakan aktiviti penyelidikan.



04

Mematuhi SOP & Peraturan Yang Ditetapkan

Memastikan ruang kerja/makmal penyelidikan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan serta peraturan penggunaan fasiliti yang telah ditetapkan oleh PTJ masing-masing.

Penyelidik perlu melakukan pembersihan dan disinfeksi di permukaan yang mudah dicemari kuman seperti permukaan meja, tombol pintu, papan kekunci (keyboard), tetikus (mouse) dan semua peralatan penyelidikan yang berkaitan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari sebelum aktiviti penyelidikan bermula dan selepas penggunaan aktiviti penyelidikan tamat.



05

Aktiviti Penyeliaan, Perbincangan & Persidangan/Seminar

Melaksanakan semua aktiviti penyeliaan dan perbincangan bersama ahli penyelidik yang lain menggunakan platform dalam talian dan terjamin dari segi kerahsiaan;

Penyelidik tidak dibenarkan menghadiri persidangan/seminar secara bersemuka di dalam dan luar negara sehingga ke satu tarikh yang ditetapkan;

Pembentangan secara dalam talian bagi mana-mana persidangan yang menyediakan kemudahan tersebut adalah dibenarkan namun tertakluk kepada syarat pihak pengajur dan garis panduan pembiaya geran.



06

Aktiviti Pengumpulan Data Penyelidikan (Kerja Lapangan)

Semua aktiviti penyelidikan yang melibatkan kerja lapangan di luar institusi ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian;

Sekiranya aktiviti penyelidikan tersebut dianggap penting yang mempunyai keperluan kritikal maka kebenaran ber tulis perlu diperolehi dari Ketua PTJ (Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)/Rektor/Dekan/Pengarah);

Penyelidik tidak dibenarkan untuk menjalankan kutipan data/aktiviti lain yang seumpamanya di luar negara sehingga satu tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan;

Penyelidik boleh menggunakan alternatif lain yang sesuai seperti menjalankan kutipan data secara dalam talian atau membuat kolaborasi dengan penyelidik dalam dan luar negara bagi mendapatkan data dan sampel yang berkenaan.

Konsep 3W dan 3C

COVID-19
#KitaTeguhKitaMenang

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



1 Wash (Cuci)



Kerap cuci tangan dengan air dan sabun

2 Wear (Pakai)



Pakai pelitup muka

3 Warn (Amaran)



Jangan bersalaman atau bersentuhan

Amalkan etika batuk dan bersin

Lakukan disinfeksi

Duduk rumah

Dapatkan rawatan jika bergejala



MYHEALTHKKM



COVID-19
#KitaTeguhKitaMenang

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19 DI TEMPAT KERJA



2 Confined Spaces (Tempat tertutup)



Pantri



Surau



Ruang rehat



Loker/bilik persalinan

3 Close Conversation (Bercakap jarak dekat)



Mesyuarat



Urusan di kaunter



Ruang kerja



MYHEALTHKKM



SCAN ME

Rujukan

Pekeliling Naib Canselor Bilangan 17 Tahun 2020, UiTM

Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Bilangan 02 Tahun 2020, UiTM

Prosedur Kerja Selamat Pencegahan COVID-19 Di Tempat Kerja, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian Sumber Manusia, 2020.

Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, Annex 1-35, Kementerian Kesihatan Malaysia
<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-guidelines>

Guidance on Preparing Workplaces for COVID-19 (2020), OSHA 3990-3 <https://www.osha.gov/Publications/OSHA3990.pdf>

Majlis Keselamatan Negara, <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>

Kementerian Kesihatan Malaysia, <http://covid-19.moh.gov.my/>

Pemakaian Panduan Pengendalian Penyelidikan

Panduan ini terpakai untuk warga UiTM dan penyelidik luar yang ingin menjalankan aktiviti penyelidikan. Ia akan terpakai atau terbatal mengikut keadaan semasa atau arahan daripada Kerajaan Malaysia dan UiTM.

Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan polisi dan prosedur yang telah digariskan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Universiti Teknologi MARA.